



# e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KAMI SEDIA MEMBANTU

EDISI JULAI 2015



**Lawatan Mengejut  
Menteri Kesihatan  
Ke Kawasan Hotspot Denggi**

»1



**»2 PELANTIKAN  
KSU BARU KKM**



**»3 PERASMIAN  
PROGRAM K.A.D.A.R**



**»4 LAWATAN KERJA  
KE HOSPITAL PUTRAJAYA**



<http://www.moh.gov.my>



[www.facebook.com/pages/  
kementerian-kesihatan-malaysia](http://www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia)



<http://twiter.com/kkmputrajaya>



[http://www.youtube.com/  
kementeriankesihatan](http://www.youtube.com/kementeriankesihatan)



[http://instagram.com/  
kementeriankesihatanmalaysia](http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia)

## Lawatan Kerja YBMK



Tarikh: 7 Julai 2015

Tempat: Hulu Langat, Selangor

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah membuat lawatan mengejut ke lokaliti "hot spot" denggi di Taman Taming Jaya, Balakong, Hulu Langat, Selangor. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham, KPK dan Dr. Chong Chee Kheong, Pengarah Kawalan Penyakit. Tujuan lawatan adalah untuk meninjau keadaan tempat yang disenarai sebagai kawasan hitam penyakit denggi. Antara 1 Januari hingga 25 Julai 2015, terdapat 68,223 kes dan 185 kematian akibat denggi di negara ini. Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) juga diminta untuk mengukuhkan sistem pengurusan sisa domestik.



## Program K.A.D.A.R

Tarikh: 9 Julai 2015

Tempat: Terminal Bersepadu Selatan (TBS)

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Program K.A.D.A.R (Kawalan Denggi, Amalan Pemakanan Dan Berhenti Merokok) sempena bulan Ramadan & Aidilfitri di Bandar Tasik Selatan. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim, TKPK (KA). Program tersebut mempromosikan pameran interaktif & khidmat nasihat berikut:

- (a) Pencegahan denggi sempena Hari Raya
- (b) Pemakanan sihat di bulan Ramadan dan Hari Raya
- (c) Keselamatan dan kualiti makanan
- (d) Kempen cara hidup sihat – nafas baru bermula Ramadan
- (e) Penguatkuasaan Akta Tembakau



# Perlantikan



## KSU BARU KKM



**Tarikh:** 4 Julai 2015

**Tempat:** Jabatan Perkhidmatan Awam

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), KKM telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesihatan yang baru mulai 4 Julai 2015. Watikah pelantikan diterima dari YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara pada 4 Julai 2015. Beliau menggantikan YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali yang bersara wajib mulai 3 Julai 2015. Pelantikan beliau sebagai KSU disambut baik oleh seluruh warga KKM.



## Persaraan Tan Sri Farida Mohd Ali

**Tarikh:** 3 Julai 2015

**Tempat:** IPKKM

YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KSU telah “Punch-Out” kali terakhir sempena persaraan wajib pada jam 5 petang di ruang legar Pejabat Ketua Setiausaha KKM. Majlis diserikan dengan kehadiran YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham, KPK, Pengurusan Tertinggi dan warga KKM di IPKKM. Simbolik majlis tersebut ialah penyerahan Nota Serah Tugas kepada KSU baru, YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min yang turut disaksikan oleh YBMK dan ahli-ahli pasca kabinet.





## Perjumpaan Bulan Julai 2015

Tarikh: 7 Julai 2015  
Tempat: IPKKM



## Kementerian Kesihatan Malaysia



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Perjumpaan Bulanan Kementerian Kesihatan bersama warga KKM. Turut hadir ialah YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri, YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham, KPK. Tema perjumpaan bulanan adalah "Awasi Kalori, Sihat Aidilfitri" sempena bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2015.



## Lawatan Kerja YBTMK Hospital Balik Pulau

Tarikh: 6 Julai 2015  
Tempat: Hospital Balik Pulau

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah menziarahi para pesakit yang ditempatkan di wad Hospital Balik Pulau. Turut hadir ialah Datin Seri Jamilah Mohd Zain, isteri YBTMK. Semasa lawatan, beliau menyampaikan sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri kepada pesakit di hospital tersebut. Selain itu, beliau turut mengambil kesempatan berbuka puasa dengan anggota KKM dan jemputan agensi kerajaan daerah Barat Daya.



## Majlis Berkah Puasa & Silaturahim

Tarikh: 10 Julai 2015  
Tempat: Hospital Sungai Buluh

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri majlis berbuka puasa dengan anggota Hospital Sungai Buloh dan anak-anak yatim yang dijemput khas. Turut hadir ialah Dato' Dr. Hj Khalid Bin Ibrahim, Pengarah Hospital Sungai Buloh. Beliau mengingatkan semua supaya mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif untuk memberi inspirasi & motivasi kepada pelatih dan anggota hospital. Beliau turut mengalu-alukan sebarang pandangan yang bernalas. Perkara ini harus disampaikan melalui saluran yang betul dalam usaha menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat.



## Lawatan Kerja Ke Hospital Putrajaya

Tarikh: 17 Julai 2015  
Tempat: Hospital Putrajaya



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah mengadakan lawatan mesra dan menemui para pesakit yang berada di Wad Ortopedik, Hospital Putrajaya. Turut hadir ialah Datuk Dr. Nora'i binti Mohd Said, Pengarah Hospital Putrajaya. Beliau terharu dengan dedikasi warga kerja Hospital Putrajaya yang menjalankan tanggungjawab memberi perkhidmatan perawatan terbaik kepada pesakit. Perkara ini menjadi keutamaan dalam segala hal walaupun pada hari raya kerana pesakit masih ada yang memerlukan rawatan secara berterusan.



## Rancangan Selamat Pagi Malaysia Bersama YBMK

Tarikh: 6 Julai 2015

Tempat: RTM



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah menghadiri sesi temu ramah sebagai tetamu kehormat dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di Wisma TV RTM. Sesi temu ramah tersebut berkaitan dengan gejala denggi yang berleluasa di kalangan masyarakat. Beliau mengupas kaedah menangani pembiakan nyamuk Aedes dan cara-cara mengatasinya. Selain itu, kempen kesedaran secara berterusan amat perlu untuk mendidik orang ramai mencegah demam denggi.

## Majlis Memperingati Tragedi MH17

Tarikh: 17 Julai 2015

Tempat: Kompleks Bunga Raya, KLIA

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri Upacara Memperingati Tragedi MH17. Turut hadir ialah Encik Saiful Anuar Lebai Hussen, TKSU(P). Majlis menandakan ulang tahun pertama satu bencana udara yang paling tragis ke atas kapal terbang MAS. Peristiwa melibatkan kehilangan 298 penumpang dan anak kapal termasuk 44 rakyat Malaysia ketika dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur. Justeru, pakar forensik KKM telah terbabit secara langsung dengan proses mengenal pasti identiti mangsa nahas tersebut.



**malaysia** airlines



## Lawatan Kerja Ke Kg. Sungai Kayu Ara

Tarikh: 3 Julai 2015

Tempat: Petaling Jaya



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah membuat lawatan mengejut ke lokaliti "hot spot" denggi di Kampung Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min dan Dr. Chong Chee Kheong. Lawatan ini bertujuan untuk memantau laporan peningkatan kes denggi di lokasi tersebut. Selain itu, mendidik penduduk kawasan perumahan untuk mencegah pembiakan denggi.

**"Disaster: Managing the Unexpected"**

28-30<sup>th</sup> JULY, 2015  
RENAISSANCE HOTEL, KOTA BHARU, KELANTAN, MALAYSIA

**"Disaster: Managing the Unexpected"**

Tarikh: 27 Julai 2015  
Tempat: Hotel Renaissance, Kota Bharu



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri *The 1st International Kelantan Health Conference 2015* anjuran Kelantan Public Health Association. KPK telah menyampaikan ucaptama bertajuk "*Disaster: Managing the Unexpected*". Turut hadir ialah Dato' Dr. Ahmad Razin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan. KPK telah menekankan beberapa elemen yang perlu dipertimbangkan dalam menguruskan bencana yang tidak dijangka seperti berikut:

- Memastikan anggota mencukupi
- Merancang pemindahan awal
- Mewujudkan kaedah pengangkutan yang sesuai
- Mengelakkan bekalan kuasa dan bekalan makanan



## Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri bersama Perdana Menteri

Tarikh: 17 Julai 2015

Tempat: Sri Perdana

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah menghadiri majlis rumah terbuka aidilfitri bersama YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abd Razak, Perdana Menteri. Turut hadir ialah Datin Seri Dr. S. Umarani, isteri YBMK dan juga ahli-ahli kabinet. Majlis tersebut bertujuan untuk Perdana Menteri beramah mesra dan meraikan ahli-ahli kabinet.



**Lawatan Kerja Ke  
KELANTAN**

 

Tarikh: 28 Julai 2015

Tempat: Hospital Raja Perempuan Zainab II



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah melawat Catheterization Lab (Cath Lab) makmal yang baru di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu. Turut hadir ialah Dato' Dr. Ahmad Razin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan dan Dato' Dr. Ghazali, Pengarah hospital Raja Perempuan Zainab II. Perkhidmatan Angio pertama bermula pada 16 Jun 2015. Kini 61 kes berjaya dilaksanakan tanpa sebarang masalah. KPK juga mengambil kesempatan untuk bertemu pesakit pertama yang mempunyai dua stent Angio.



## Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)

Tarikh: 30 Julai 2015

Tempat: Bilik Gerakan, IPKKM



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah mengadakan sidang media sempena mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Framework Convention on Tabacco Control (FCTC)*. YBMK telah mengumumkan beberapa keputusan seperti berikut:

- Harga minimum rokok dinaikkan daripada RM7 kepada RM9 bermula 1 Ogos 2015.
- Pewartaan taman awam kecuali tempat letak kereta terbuka dan tempat-tempat tumpuan awam bagi taman negara sebagai tempat larangan merokok.
- Keseluruhan tempat makan berhawa dingin adalah tempat larangan merokok.
- Kebenaran 1/3 daripada tempat makan berhawa dingin di bawah Peraturan 21 sebagai kawasan merokok adalah dimansuhkan.



## Lawatan Kerja

### Ke Hospital Kulim

Tarikh: 27 Julai 2015

Tempat: Hospital Kulim, Kedah

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah melakukan lawatan kerja rasmi ke Hospital Kulim, Kedah. Turut hadir ialah Dato' Dr. Norhizan Bin Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah dan Dr. Fauziah Binti Abdul Wahab, Pengarah Hospital Kulim. Lawatan rasmi dan turun padang tersebut adalah bertujuan meninjau keadaan persekitaran hospital Kulim serta lebih mendekati dan memahami anggota kesihatan yang bertugas di hospital tersebut.





## Lawatan Kerja KSU Ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah

Tarikh: 17 Julai 2015

Tempat: Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang



YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah melakukan lawatan kerja ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) sempena Hari Raya Aidilfitri untuk melihat warga kerja KKM yang bertugas pada musim perayaan. Turut hadir ialah Dr. Ding Lay Ming, Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Dr. Balachandran a/l Satiamurti, Pengarah Kesihatan Selangor. Pengurusan KKM amat menghargai pengorbanan warga kerja HTAR dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat tanpa mengenal erti penat dan putus asa.



## Majlis Pelancaran **SKIM @KSi MyKOMUNITI-NCD Free**

Tarikh: 30 Julai 2015

Tempat: IPKKM, Putrajaya

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan majlis pelancaran SKIM @KSi MyKOMUNITI-NCD Free. Turut hadir ialah YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan, Encik Saiful Anuar Lebai Hussen, TKSU(P) dan YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim Bin Sulaiman, TKPK(KA). KKM telah mengambil inisiatif melaksanakan SKIM @KSi MyKOMUNITI-NCD Free selari dengan usaha langkah menangani pengurangan beban penyakit ke arah negara bebas penyakit tidak berjangkit (NCD).



**PEGAWAI YANG BERTUKAR MASUK (GRED 54 KE ATAS)****MOHAMMAD JUBRI BIN JAAFAR**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
UTAMA C  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
SETIAUSAHA BAHAGIAN  
Tarikh : 14 JULAI 2015

**TEO KIM SIONG**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
UTAMA C  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI  
SETIAUSAHA BAHAGIAN  
Tarikh : 27 JULAI 2015

**NORLI BINTI KARIM**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
M54  
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN  
TIMBALAN SETIAUSAHA BAHAGIAN  
Tarikh : 1 JULAI 2015

**HASHIM BIN AB.RAHMAN**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT  
F54  
BAHAGIAN TELEKESIHATAN  
TIMBALAN PENGARAH  
Tarikh : 27 JULAI 2015

**YBHG. DATIN SHANTINI A/P THEVENDRAN**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI FARMASI  
U54  
PEJABAT TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN (KA)  
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN  
Tarikh : 22 JUN 2015

**PEGAWAI YANG BERTUKAR KELUAR (GRED 54 KE ATAS)****DR. RIMAH MELATI BINTI AB. GHANI**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
U54  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)  
Tarikh : 6 JULAI 2015

**DR. MOHD AKMAL BIN DAHAMAN @ DAHLAN**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
U54  
JKN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN  
KUALA LUMPUR  
Tarikh : 13 JULAI 2015

**ZORAIDAH BINTI AHMAD**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT  
F54  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
Tarikh : 27 JULAI 2015

**DR. ZABEDAH BINTI BAHARUDIN**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
UD54  
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN  
1 JULAI 2015 (WAJIB)  
Tarikh bersara : APC 1993,1999,2003, 2011  
Anugerah / pingat :  
Tarikh Perkhidmatan : 1 JULAI 1981 hingga 1 JULAI 2015  
(34 tahun)

**SAUDAGAR SINGH A/L KERNAIL SINGH**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK  
UTAMA C  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI  
19 JULAI 2015 (WAJIB)  
Tarikh bersara : BINTANG A.M.N 2006, A.P.C 1987, 2007,1999, 2004  
Anugerah / pingat :  
Tarikh Perkhidmatan : 5 JANUARI 1981 hingga 14 OGOS 2015  
(34 tahun 6 bulan)

### PEGAWAI YANG BERSARA (GRED 54 KE ATAS)



#### **ROGAYAH BINTI A.BAKAR**

Jawatan / Tempat	:	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK UTAMA C BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
Tarikh bersara	:	14 JULAI 2015 (PILIHAN)
Anugerah / pingat	:	DARJAH J.S.M 2011, A.P.C 2002
Tarikh Perkhidmatan	:	1 DISEMBER 1981 hingga 14 JULAI 2015 (33 tahun 7 bulan)



#### **AZIS BIN RAJI**

Jawatan / Tempat	:	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U42 BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
Tarikh bersara	:	10 JULAI 2015 (WAJIB)
Anugerah / pingat	:	A.P.C 2004, 2010
Tarikh Perkhidmatan	:	13 JANUARI 1980 10 JULAI 2015 (35 tahun 5 bulan)



#### **SITI SALMIAH BINTI MOHAMAD BAZID**

Jawatan / Tempat	:	JURURAWAT U42 BAHAGIAN KEJURURAWATAN
Tarikh bersara	:	29 JULAI 2015 (WAJIB)
Anugerah / pingat	:	PINGAT (P.P.N) 2006, PINGAT (P.J.M) 2001, APC 1993, 2006
Tarikh Perkhidmatan	:	3 JANUARI 1978 hingga 29 JULAI 2015 (37 tahun 5 bulan)

#### **PENASIHAT**

##### **KETUA SETIAUSAHA**

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min

##### **KETUA PENGARAH KESIHATAN**

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

##### **TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)**

Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussen

#### **KETUA PENGARANG**

Hapsah Binti Mohd Dusa

#### **PENGARANG**

Baharudin Bin Mohamad  
Mohd Iswandy Bin Wally  
Mona Ang

#### **PENYUMBANG ARTIKEL**

Pejabat Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Unit Komunikasi Korporat